



buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



JUN
2022



ISSN 1985 - 7624
9 771985 762005

SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Noraini binti Shamsuddin

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM
Perbadanan Perpustakaan Awam
Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



ppat@trglib.gov.my



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



Anugerah Pekerja Bulanan **JUN 2022**





MAZLI BIN CHE MAMAT

Pembantu Pustakawan S19
Bahagian Perancangan, pembangunan
Dan Koperat

SUHARMIZA BINTI SULONG

Pembantu Pustakawan S19
Bahagian Rangkaian Perpustakaan
(PAP KERTEH)

penulis terengganu




KARYA YANG DIHASILKAN

- SUARA DALAM PERJALANAN
- DUA ALAM
- MENCARI PERTEMUAN
- TERENGGANU DALAM PUASI
- DI LUAR BINGKAI DIRI
- KEMBANG LEMBAH KOTA
- NOTA ORANG BERSAJAK
- SAJAK SEORANG AKU
- GURINDAM BUDI BAHASA DAN CINTA ALAM
- GURINDAM ORANG BERILMU
- SAJAK-SAJAK DALAM
- DI BAWAH LANGIT:
RAMPALI SASTERA MELAYU BARU PATANI

ANUGERAH

- PERTANDINGAN MENULIS SAJAK (PELITA)
- HADIAH SASTERA UTUSAN
- HADIAH SASTERA UKM - I (1978)
- HADIAH SASTERA PERDANA
- HADIAH SASTERA UKM - II (1979)
- ANUGERAH BUKU NEGARA (2014)
- HADIAH PUASI REMAJA (GAPENA)
- PERTANDINGAN MENULIS SAJAK
- HADIAH SASTERA UTUSAN (PENAMA)
(1986/1988/1989/2001/2009/2011)
- HADIAH SASTERA DARUL IMAN
- ANUGERAH BUKU NEGARA (2014)



Nawawee Mohammad

Mat Rawi Bin Hamat
Berasal Dari Jertih, Terengganu
Mula Menulis Pada pertengahan Tahun 1968
Sewaktu Di sekolah Menengah

Sinopsis

suntingan

Muhammad bin Abu Bakar

penerbit

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

isbn

9789834027841

harga


RM80(Kulit Keras),
RM50 (Kulit Biasa)

muka surat

550

tahun

2020



**Orang Terengganu
Asal Usul, Arus Hidup & Arah Tuju**
Edisi Baharu

Buku 'Orang Terengganu. Asal Usul, Arus Hidup dan Arah Tuju' merupakan jendela untuk mengenali penduduk Negeri Terengganu dari dahulu hingga sekarang. Karya ini memuat kisah penempatan mereka, dan perkembangan beberapa komuniti dan keturunan di daerah-daerah berlainan. Sumbangan beberapa individu yang mewakili beberapa zaman turut diperkatakan dengan panjang lebar.

Buku ini diharap dapat mencetus rasa kenegerian yang positif dan membawa rasa hormat terhadap generasi lepas yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negeri Terengganu. Tulisan-tulisan yang terkandung di dalamnya juga dipaparkan untuk menjadi sebahagian daripada landskap sejarah nasional dan serantau, kerana dalam tubuh negeri ini terdapat manusia dan masyarakat yang mewakili persekitaran hidup yang lebih besar, iaitu Malaysia dan Asia Tenggara terutama sekali.

Bagi memperkasakan lagi karya ini, penulis telah mengambil inisiatif menerbitkan edisi baharu. Dalam Edisi Baharu ini, 5 bab baru telah ditampilkan oleh penulis di samping menyisip beberapa bahan tambahan dalam bab-bab yang lain. Kelima-lima bab tambahan yang dimaksudkan adalah: "Songket dan Batik: Penduduk Kuala Terengganu dan Perusahaan Tekstil" (Bab 22), "J.M. Aziz dan T. Alias Taib: Penyair di Persada Tanahair" (Bab 31), "Pengislaman, Petro-dollar dan Proses Pengundian" (Bab 34), "Tok Ku Paloh dan Tata Negara" (Bab 36) dan "Megat Panji Alam, Anak Raja dan Adiwira Terengganu, dalam Hikayat Hang Tuah" (Bab 55)."

Catatan: Buku ini terdapat dalam koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu dan juga boleh dibeli di seluruh rangkaian perkhidmatan Perpustakaan Awam negeri Terengganu dengan harga RM80.00 (kulit keras) dan RM50.00 (kulit biasa)

KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Pada 1 Jun 2022, Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi dan Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan. Seramai 10 orang pelajar daripada Sekolah Kebangsaan Atas Tol dan 10 orang pelajar daripada Sekolah Rendah Ibnu Qayyim bersama 5 orang guru pengiring telah mengikuti kursus tersebut.

Antara modul yang diajar dalam kursus ini ialah tatacara kerja sebagai pengawas pusat sumber sekolah, perolehan sumber perpustakaan, mengkatalog, mengelas dan proses teknik. Para peserta turut diberi latihan dan kuiz untuk memberi lebih pemahaman tentang proses mengkatalog bahan. Para pelajar juga turut diberi taklimat secara khusus mengenai kaedah strategi pencarian dan penilaian maklumat penggunaan pengkalan data yang disediakan dalam Portal u-Pustaka.

Di akhir kursus, diadakan juga orientasi perpustakaan bagi mendedahkan para peserta kepada perkhidmatan PPAT.



JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA@TERENGGANU 2-4 JUN 2022



Gambar : www.terengganu.gov.my

Karnival Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) berkampung di Terengganu sebagai destinasi keempat selepas Johor, Perlis dan Sabah. Pihak perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) turut terlibat sama dalam menyemarakkan lagi karnival yang berlangsung.

Sepanjang karnival berjalan, PPAT telah mengadakan aktiviti berbentuk pameran dan membuka kaunter pendaftaran ahli. Sambutan yang diterima di ruang pameran PPAT sepanjang tiga hari karnival berlangsung amat menggalakkan di kalangan masyarakat setempat.



LAWATAN PENANDA ARAS DAN SUMBANGAN KOLEKSI KHAS KUALA LUMPUR WORLD BOOK CAPITAL 2020

4 Jun 2022 – Perpustakaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu bagi melihat kemudahan dan perkhidmatan terkini yang ditawarkan kepada ahli perpustakaan.

Perkongsian pandangan dan inspirasi untuk menambah baik perkhidmatan bagi kebaikan kedua-dua belah pihak. Di samping itu juga, Perpustakaan Kuala Lumpur turut menyampaikan bahan bacaan koleksi khas Kuala Lumpur World Book Capital 2020 yang disampaikan oleh Puan Rosidah binti Ismail, Pengarah Perpustakaan Kuala Lumpur.



LAWATAN PENANDA ARAS PIBG SEKOLAH KEBANGSAAN ULU BAKAI, MALAU KULIM, KEDAH

19 Jun 2022 – Jawatankuasa PIBG sekolah bersama-sama guru-guru telah mengadakan lawatan penanda aras ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu bagi tujuan untuk mendapatkan perkongsian berkaitan tatacara pengurusan perpustakaan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah. Selain itu, perkongsian idea yang bernalas juga diharapkan dapat membantu mencapai kecemerlangan murid di samping memacu kecemerlangan pusat sumber sekolah.

Usaha murni ini diharap akan dapat digarapkan sebagai langkah utama merencana kecemerlangan akademik, sahsiah dan kokurikulum Pusat Sumber Sekolah Ulu Bakai agar setanding dengan sekolah-sekolah yang telah berjaya meletakkan kecemerlangan sebagai agenda utama mereka.



JALINAN KASIH TAUTAN BUDI (JKTB) : SEKOLAH TUNAS BAKTI DAN ASRAMA RUSILA

Jalinan Kasih Tautan Budi (JKTB) merupakan program Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) yang dianjurkan dalam usaha untuk merapatkan hubungan perpustakaan dengan masyarakat. Program yang melibatkan Sekolah Tunas Bakti dan Asrama Rusila pada 8 Jun 2022 merupakan salah satu aktiviti yang dianjurkan bagi tujuan tersebut. Aktiviti seperti Pertandingan Jejak Maklumat dan Pertandingan Badminton serta pameran Perpustakaan Bergerak telah diadakan dalam memperkenalkan kepelbagaiannya perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PUSAT JAGAAN AL-HARTH, KUALA BERANG

9 Jun 2022 – Pusat Jagaan Al-Harith telah mengadakan lawatan ke Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu. Seramai 24 pelajar berserta 6 orang guru turut hadir sama. Lawatan sambil belajar ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem pengurusan pusat sumber sekolah yang betul dan berkesan.

Kesempatan ini turut diambil oleh pihak perustakaan untuk mengadakan beberapa aktiviti bersesuaian kepada para pelajar. Selain itu, para pelajar juga boleh menambah ilmu pengetahuan berkenaan pengurusan perpustakaan dari sudut penyusunan, peminjaman dan penjagaan buku.



PROGRAM GALAKAN MEMBACA BERSAMA PERPUSTAKAAN AWAM DAERAH DUNGUN DI SEKOLAH KEBANGSAAN TANJUNG PATI, DUNGUN

17 Jun 2022 - Perpustakaan Awam Daerah Dungun telah menerima jemputan dari Sekolah kebangsaan Tanjung Pati, Dungun. Pihak sekolah telah memohon untuk mengadakan program kerjasama sempena Program galakan Membaca peringkat sekolah melalui pinjaman berkelompok bahan bacaan dari perpustakaan. Sebanyak 200 naskah buku telah disampaikan kepada pihak sekolah mengikut kesesuaian.

Kesempatan itu juga digunakan sebaiknya oleh pihak perpustakaan dalam memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Awam Daerah Dungun. Kaunter pendaftaran turut dibuka kepada pelajar sekolah yang berminat untuk menjadi ahli perpustakaan. Di samping itu juga, pihak perpustakaan turut menjalankan beberapa aktiviti bersesuaian semasa program berlangsung.



LATIHAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT: PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DAN u-PUSTAKA



Bengkel Latihan Literasi dan Media (LLM) diadakan pada 20 Jun 2022 kepada pelajar-pelajar Pasca SPM yang sedang mengikuti kursus bahasa di Pusat Bahasa Terengganu (PBT).

Para peserta diberi taklimat kemahiran secara khusus mengenai perkhidmatan, penggunaan pangkalan data yang disediakan dalam Portal u-Pustaka. Selain itu, peserta akan didedahkan dengan kaedah strategi pencarian dan penilaian maklumat dalam internet secara lebih berkesan dengan pendedahan kepada Modul Literasi Maklumat dan Media.



KURSUS KESANTUNAN KOMUNIKASI KAKITANGAN KAUNTER BERKESAN

The poster features a blue background with a yellow banner at the top containing the event title. Below the banner, there are two live stream icons (YouTube and Facebook) with the word 'LIVE'. The main title is 'KURSUS KESANTUNAN KOMUNIKASI BERKESAN DI KAUNTER (FRONTLINER)' in large yellow letters. Below the title, the dates '21 - 22 JUN 2022' and time '9.00 PAGI - 4.30 PETANG' are displayed. To the right of the text, there is a photograph of a woman in a blue hijab and glasses giving a thumbs up while standing next to a computer monitor showing a video call. In the background of the photo, other participants are visible working at desks with computers.

Penceramah :
Dr. Hajah Fauziah Wan Jaafar
Inspirator, Certified HRDF Trainer, Certified in Training & Assesment (Australia), Certified Neuro Linguistic Practitioner (KAD-Malaysia) & Storyteller Trainer, Puppetry & Children's Theater - Script Writer

Social Media Links:
f PPATerengganu @PPATerengganu YouTube Media PPAT

Kursus Kesantunan Komunikasi Berkesan ini telah diadakan pada 21 -22 Jun 2022 yang lalu melibatkan seramai 65 kakitangan perpustakaan.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memantapkan kemahiran kakitangan perpustakaan ketika berhadapan dan berurusan dengan pelanggan. Selain itu, kursus ini juga turut merangkupi aspek kemahiran dalam memperkenalkan imej dan ketrampilan diri yang profesional, etiket dan tingkah laku yang menyenangkan serta kemahiran komunikasi yang mantap dan berkeyakinan, seterusnya akan meningkatkan persepsi positif pelanggan terhadap imej dan reputasi organisasi.

Staf yang berhadapan dengan pelanggan adalah petugas barisan hadapan yang merupakan wajah sesebuah organisasi. Personaliti, komunikasi dan tingkah-laku yang profesional bagi petugas barisan hadapan ketika berhadapan dengan pelanggan sangat penting kerana ia memberi kesan langsung terhadap kepuasan pelanggan, seterusnya memberi kesan besar kepada reputasi sesebuah organisasi.



KEHIDUPAN DALAM BIJAKSANA

*Darjat kehidupan bukan satu-satunya senjata,
menobatkan seseorang tinggi di puncak jaya.
Melainkan kebijaksanaan juga milik termahal,
sesering mengharum diri mengawal peribadi,
menyembunyikan rahsia mulia kemanusiaan.*

Nawawee Mohammad

*Jalan Charoenpradit,
Pattani, Thailand,
29 Disember 2011*



MONKEYPOX CACAR MONYET

Ia adalah penyakit yang disebabkan oleh virus cacar monyet. Ia tergolong dalam keluarga virus yang termasuk yang mengalami cacar (smallpox) dan virus cacar lembu (cowpox). Walau bagaimanapun, ia tidak berkaitan dengan cacar air. Virus ini pertama kali ditemui pada tahun 1958, yang berlaku di koloni monyet. Kebanyakan kes dikaitkan dengan negara-negara Afrika tengah dan barat. Orang yang dijangkiti cacar monyet mempunyai gejala yang serupa dengan yang dilihat pada pesakit cacar.

BAGAIMANA VIRUSINI DITULARKAN KEPADA MANUSIA?

- Gigitan atau sentuhan **langsung** dengan darah, cecair badan atau luka haiwan yang dijangkiti
- Melalui **titisan pernafasan** (apabila terdapat kontak bersemuka yang berpanjangan)
- **Kontak langsung** dengan cecair daripada ruam makulopapular di badan orang yang dijangkiti atau dengan objek yang tercemar virus, seperti tempat tidur atau pakaian

APAKAH TANDA DAN GEJALA JANGKITAN?

- Ruam makulopapular yang bermula di muka kemudian menyebar ke tapak tangan dan tapak kaki diikuti oleh bahagian-bahagian tubuh yang lain
- Demam
- Keletihan
- Sakit kepala
- Lenguh tubuh badan
- Sakit bahagian belakang badan atau sendi
- Kejang otot
- Pembengkakan kelenjar limfa





MONKEYPOX VIRUS

ABDUL AZIZ BIN AZIZAN (19)

PENYAKIT INI DAPAT DIKENALPASTI DENGAN BEBERAPA SIMTOM UTAMA SEPERTI DEMAM, SAKIT PADA BAHAGIAN OTOT, DAN JUGA SAKIT KEPALA YANG BERPANJANGAN. BAGI MENGELAKKAN PENYAKIT INI MENJADI LEBIH SERIUS, MASYARAKAT SEBAIKNYA MENJAGA KEBERSIHAN DIRI DAN MENGELAK DARIPADA BERKUMPUL DI TEMPAT TUMPUAN RAMAI.




ALISYAH MAISARAH BINTI HISSINI (19)


BAGI MEREKA YANG DIJANGKITI PENYAKIT CACAR MONYET INI SELALUNYA AKAN TERDAPAT BEBERAPA SIMTOM UTAMA SEPERTI SAKIT OTOT, DEMAM YANG BERPANJANGAN, DAN SAKIT KEPALA YANG BERLARUTAN. ADA DIKALANGAN PENGIDAP CACAR MONYET INI AKAN MENGHIDAPI GEJALA YANG LEBIH SERIUS SEHINGGA TERDAPAT KEGATALAN KULIT YANG MELAMPAU. LANGKAH-LANGKAH AWAL DENGAN MENDAPATKAN RAWATAN SECEPAT MUNGKIN MAMPU UNTUK MENGHINDARI GEJALA YANG LEBIH SERIUS.



SITI NUR ADRIANA BINTI AYOB (19)

SENTIASA MENJAGA KEBERSIHAN DIRI MERUPAKAN LANGKAH AWAL YANG AKAN MEMBANTU MENGHINDARKAN DIRI INDIVIDU DARIPADA TERDEDAH KEPADA SIMTOM YANG SEMAKIN MEREBAK INI. KESEDARAN KEPADA KESAN DAN LANGKAH AWAL YANG SEPATUTNYA DIAMBIL PERLU DITEKANKAN KEPADA SETIAP INDIVIDU.





Perpustakaan Desa Gong Terap Setiu

Overview Reviews

[Directions](#) [Save](#) [Nearby](#) [Send to phone](#) [Share](#)

- You visited last month
- Kampung Gong Terap, 21450 Chalok, Terengganu
- FR7V+PV Chalok, Terengganu
- [Send to your phone](#)
- [Claim this business](#)
- [Add a label](#)



PERPUSTAKAAN DESA KAMPUNG GONG TERAP, SETIU, TERENGGANU DARUL IMAN

Perpustakaan Desa Gong Terap, Setiu merupakan antara perpustakaan yang berada di bawah pentadbiran Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT). Lokasi perpustakaan ini yang berada kawasan perkampungan yang mempunyai 750 orang penduduk dari 130 buah rumah adalah antara lokasi yang strategik. Mempunyai hampir 40% kanak-kanak dan 40% dewasa dan selebihnya adalah warga tua amat bertepatan dengan tujuan kewujudan perpustakaan desa di Kampung Gong terap.



Masyarakat kampung Gong Terap kebanyakannya menjalankan aktiviti pertanian, penternakan burung walid dan perniagaan runcit sebagai sumber ekonomi mereka. Hanya segelintir dari penduduk kampung yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Mengambil kira daripada peratusan ini, penubuhan perpustakaan desa sangat membantu masyarakat kampung dalam merapatkan jurang penerimaan perkhidmatan dari pihak perpustakaan.

Perpustakaan desa lazimnya adalah sebuah perpustakaan kecil yang ditempatkan di suatu kawasan yang mempunyai ramai penduduk. Namun begitu, perpustakaan desa tetap memainkan peranan yang penting dalam menjadi penggerak kepada penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat sekitar. Dengan ini, ia akan dapat membantu mempertingkatkan pencapaian pendidikan pelajar melalui penyediaan bahan-bahan bacaan tambahan dan menimba ilmu pengetahuan.

PAMERAN KENALI PENULIS-PENULIS TERENGGANU SIRI 1

Pameran ini berlangsung di Lobi, PPAT bermula 9 Jun 2022 sehingga 30 Jun 2022.





SETIAP PENYAKIT ADA UBATNYA

Dari Abu Hurairah ra, Nabi Shallallahu alahi wa sallam bersabda:

"Tidaklah ALLAH Menurunkan Suatu Penyakit, Melainkan DIA Menurunkan Ubatnya Juga"

(Sahih Bukhari No. 5354)



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU**

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara



www.trglib.gov.my